

# **PENGLIBATAN PIHAK SWASTA DALAM PROGRAM PENGHIJAUAN: PENGALAMAN DI NEGERI PERAK**

**Mohamed Zin Yusop<sup>1</sup> Siti Dessyma Isnani<sup>1</sup> Azmi Mohd Zain<sup>1</sup> Ngu Mooi Yean<sup>1</sup>**

*<sup>1</sup>Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Perak (MALAYSIA)*

*Emel: mzin@forestry.gov.my, dessyma@forestry.gov.my, azmi.zain@forestry.gov.my,  
mooiyean@forestry.gov.my*

## **Abstrak**

Kerajaan Negeri Perak giat melaksanakan Program Penghijauan di bumi Perak sejak Kempen Tanaman 26 Juta Pokok. Jabatan Perhutanan merupakan Jabatan utama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti penghijauan. Program penghijauan ini dilaksanakan sama ada di dalam Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik dengan penglibatan pelbagai agensi, badan korporat, swasta, badan berkanun, NGO, institut pendidikan tinggi, sekolah dan individu. Dalam pelaksanaan program penghijauan ini, beberapa program telah diwujud dan dilaksanakan seperti Program Bumi Hijau Perak Darul Ridzuan, Perak Oxygen-Land Bank (POLB) dan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Terdapat beberapa isu dan cabaran dalam melaksanakan program ini. Di antaranya adalah dalam mendapatkan penglibatan pihak swasta yang lebih meluas. Selain itu, kesukaran dalam proses pembayaran oleh pihak swasta kepada Kerajaan Negeri terutama luar dari negeri Perak menyebabkan pihak swasta kurang berminat untuk menyertai program tersebut. Staff yang tidak mencukupi untuk membuat hebahan dan promosi serta kurang kemahiran berkomunikasi terutama dalam memasarkan produk-produk seperti Program POLB tersebut adalah salah satu cabaran juga kepada pihak jabatan. Oleh itu, inisiatif jabatan pada masa akan datang adalah mengadakan hebahan dan promosi di platform yang lebih tinggi seperti penglibatan pihak SUK, latihan yang lebih komprehensif kepada staff jabatan, pengambilan staff-staff baru dan menyediakan sistem pembayaran secara dalam talian. Inisiatif jabatan untuk menggalakkan penglibatan pihak swasta adalah dengan mengadakan pengecualian cukai ke atas tajaan tersebut. Oleh itu, program penghijauan ini bukan sahaja menghijaukan bumi Perak malah turut menyumbangkan kepada hasil Kerajaan Negeri Perak dan merealisasikan konsep *Forest Beyond Timber*. Kurang kebergantungan kepada hasil daripada pembalakan dapat memelihara Hutan Simpanan Kekal di negeri Perak secara tidak langsung.

**Kata kunci:** Penglibatan swasta, Program Penghijauan di negeri Perak, Perak Oxygen-Land Bank, Program Bumi Hijau Perak Darul Ridzuan, Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok, *Forest Beyond Timber*, isu dan cabaran dan inisiatif jabatan.